



MOSES CHOO

MEMBINA KERJAYA, MEMBANTU RAKAN SENASIB

Oleh Amy Suzani Mohd. Ainuddin

TOKOH legenda dunia Iskandar Zulkarnain pernah berkata; “Tidak ada yang mustahil kepada orang yang berani mencuba.” Mutiara kata ini memang bertepatan dengan perwatakan Moses Choo seorang insan cacat penglihatan yang pernah melalui zaman suram sewaktu kecilnya tetapi hari ini mencipta jaya sebagai Pengurus Eksekutif bagi Pusat Hal Ehwal Profesional Orang-orang Buta di *National Council For The Blind Malaysia* (NCBM).

Dilahirkan pada 24hb November 1956 di Kampar Perak, Moses Choo bukanlah nama asalnya. Nama sebenarnya ialah Leong Kok Hing. Manakala nama Moses diperolehnya apabila beliau menganut agama Kristian. Beliau merupakan anak ketiga dalam keluarga Leong yang lahir dengan mengalami kecacatan penglihatan. Masyarakat Cina, pada waktu itu sangat kuat berpegang kepada kepercayaan bahawa jika seorang anak itu dilahirkan cacat, anak tersebut dikatakan akan membawa malang atau sial kepada keluarga. Kepercayaan itulah yang menyebabkan ibu dan ayah Moses menyerahkan beliau kepada satu keluarga lain untuk dipelihara. Ketika itu usianya baru 70 hari dan ibu bapanya menerima RM450 sebagai ganjaran kepada penyerahannya.

Sejak itu bermulalah kehidupan Moses dalam keluarga baru iaitu keluarga Choo. Namanya ditukar oleh keluarga angkatnya menjadi Choo Siew Cheong. Keluarga Choo mempunyai seorang anak perempuan yang 20 tahun lebih tua daripada Moses. Malangnya komunikasi antara Moses dengan kakak angkatnya itu tidaklah begitu baik. Moses lebih rapat dengan anak jirannya yang juga mengalami kecacatan dan saban hari tinggal di rumah tanpa boleh berbuat apa-apa.

Melihat kepada keadaan anak jiran mereka, ibu dan bapa angkat Choo beranggapan itulah yang akan berlaku kepada Moses bila beliau dewasa kelak. Mereka percaya Moses tidak akan boleh bekerja untuk menyara hidupnya nanti. Oleh kerana itu, ibu dan bapa angkatnya bekerja keras mengumpul wang sebagai bekalan kepada hari depan Moses. Menurut Moses ibu angkatnya ketika itu merupakan isteri kedua kepada bapa angkatnya dan bekerja sebagai pencuci dulang di sebuah lombong bijih timah.

Ketika usianya tiga tahun, malang menimpa apabila ibu angkatnya meninggal dunia. Ini menyebabkan bapa angkatnya membawa pulang isteri pertama dari Hong Kong untuk menjaga Moses. Tetapi dua tahun kemudian ketika usianya lima tahun, bapa angkatnya pula meninggal dunia. Untuk seketika isteri pertama bapa angkatnya itu masih terus menjaga Moses. Tetapi bila usia Moses mencecah lapan tahun wanita dari Hong Kong itu membuat keputusan untuk pulang ke negara asalnya. Tinggallah Moses dipelihara oleh kakak angkatnya.

Dalam tahun 1963, Moses telah dihantar untuk belajar di *Anglo Chinese School*, sebuah sekolah yang memberikan pendidikan kepada kanak-kanak biasa. Malangnya kerana penglihatan Moses yang terbatas, beliau tidak dapat belajar dengan sempurna. Pada setiap kali peperiksaan Moses hanya mampu menduduki tempat kedua akhir dan kadang kala tempat paling akhir di dalam kelas. Menurut Moses, langkah menghantar anak cacat ke sekolah biasa untuk belajar dan bukannya ke sekolah pendidikan khas, sebenarnya merupakan satu kesilapan besar yang tidak menguntungkan anak-anak cacat tersebut bahkan sebaliknya merosakkan masa depan mereka.

Hanya dalam tahun 1965, ketika itu usianya sudah menjangkau sembilan tahun, barulah kakak angkatnya membuat keputusan untuk menghantar Moses belajar di *St. Nicholas School*, sebuah sekolah pendidikan khas untuk kanak-kanak cacat penglihatan. Sekali pun sudah agak terlewat kerana menduduki darjah satu di St. Nicholas dalam usianya sembilan tahun, tetapi Moses ternyata mempunyai otak yang cerdas. Beliau dapat

mengikuti pelajaran yang diajar dengan baik dan menunjukkan kecemerlangan dalam pelajarannya.

Lebih dari itu Moses juga merasakan betapa kemasukannya ke St. Nicholas begitu banyak membantu dalam membentuk dirinya menjadi seorang yang mampu berdikari. Di St. Nicholas, beliau bukan sahaja diajar pelajaran akademik bahkan juga diajar pelbagai kemahiran lain termasuk kemahiran dalam bidang elektrik. Malah menurut moses, kalau hari ini beliau tampil sebagai insan cacat penglihatan yang serba boleh, asasnya bermula daripada sekolah St. Nicholas.

Moses berjaya menamatkan pendidikan rendahnya di St. Nicholas. Kecemerlangan pelajaran yang ditunjukkannya telah melayakkan beliau untuk melanjutkan pula pelajaran ke St. Xavious School di Pulau Pinang dalam tingkatan satu. Beliau belajar di sana selama tiga tahun sehingga tingkatan tiga dan sekali lagi menunjukkan prestasi yang baik dalam pelajaran. Moses seterusnya melanjutkan lagi pendidikan menengahnya di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak, Kuala Lumpur dalam tingkatan empat.

Di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak, Moses mula menunjukkan bakat kepimpinannya. Beliau telah terpilih sebagai ketua pengawas dan bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti ko kurikulum di sekolah berkenaan. Begitu pun pelajaran tidak pernah diabaikannya. Hasilnya Moses telah lulus dalam peperiksaan SPM dengan mendapat pangkat dua. Pencapaian ini sebenarnya sudah baik bagi seorang cacat penglihatan yang

terpaksa belajar dalam keadaan di mana bahan-bahan rujukan pelajaran sangat berkurangan.

Kejayaan tersebut telah membawa Moses untuk melangkah lebih jauh ke hadapan. Beliau mendapat tawaran biasiswa untuk menyambung lagi pelajaran di Taylor's College dalam jurusan perakaunan dan ekonomi. Beliau tidak mempersiakan kesempatan yang diterimanya itu. Moses belajar dengan tekun bersaing dengan pelajar-pelajar lain yang normal. Kesungguhannya telah menyebabkan beliau lulus dengan sangat cemerlang dalam jurusan yang diikutinya itu.

Kejayaan cemerlang itu menyebabkan Moses sekali lagi mendapat tawaran biasiswa. Kali ini untuk melanjutkan pelajarannya ke Australia. Buat seketika fikirannya berbelah bahagi sama ada mahu menerima atau tidak tawaran keemasan tersebut. Namun setelah puas berfikir dan setelah menimbangkan pelbagai perkara, Moses membuat keputusan untuk tidak menerimanya.

Sejak itu bermulalah alam pekerjaan buat Moses. Beliau memulakan kerjayanya hanya sebagai penjual buku di Taylor's College. Selama satu setengah tahun Moses bekerja sebagai penjual buku. Sambil bekerja, Moses tidak pernah jemu untuk menimba pengetahuan baru. Beliau mengikuti kursus operator telefon di Kolej Kerja Metropolitan. Setelah berjaya menamatkan kursus, Moses mula melamar pekerjaan lain yang dirasakan bersesuaian dengannya.

Moses membuat permohonan untuk mengisi jawatan kosong sebagai operator telefon di syarikat Dunlop. Menurut Moses sebelum ditemuduga, pihak syarikat menyangka bahawa beliau seorang wanita. Mereka terkejut apabila mendapati calon yang hadir untuk temuduga itu adalah lelaki. Nasib menyebelahi Moses bila beliau berjaya mengisi kekosongan jawatan tersebut. Bermulalah kerjaya baru buatnya. Beliau menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan dalam masa enam bulan beliau telah disahkan jawatannya di syarikat tersebut. Moses bekerja di situ selama empat tahun sebelum membuat keputusan berhenti dan melamar kerja di syarikat lain pula bagi mencari pengalaman baru.

Kebetulan ketika itu terdapat kekosongan jawatan juga sebagai operator telefon di Syarikat *Coopers & Lybrand*. Moses tidak melepaskan peluang tersebut dan turut mengemukakan permohonannya. Mengimbas kembali pengalaman semasa menghadiri temuduga di syarikat berkenaan, Moses masih ingat bagaimana beliau ditemuduga selama 45 minit. Yang anehnya bukan penemuduga yang banyak bertanya soalan sebaliknya beliaulah yang mengemukakan soalan itu dan ini bagi memenuhi perasaan ingin tahuinya terhadap syarikat tersebut. Barangkali kerana minat yang mendalam yang ditunjukkan oleh beliau itulah maka pihak syarikat membuat keputusan untuk memilih beliau daripada sembilan orang lain yang ditemudaga untuk mengisi kekosongan jawatan operator telefon tersebut.

Di syarikat *Coopers & Lybrand* inilah Moses terus mengembangkan kebolehannya. Beliau bukan sekadar bekerja sebagai operator telefon bahkan Moses juga

mempunyai kebolehan untuk membaiki telefon atau alat-alat elektrik yang lain. Di luar waktu kerjanya sebagai operator, Moses akan membantu kawan-kawan membaiki telefon atau peralatan lain yang rosak. Kerja-kerja tersebut dilakukannya dengan sukarela kerana minat. Hasilnya Moses mendapat kepercayaan majikannya.

Keramahan dan sikap dedikasi Moses dalam menjalankan tugasnya sebagai operator juga menyebabkan beliau disenangi oleh ramai pelanggan syarikat tersebut. Setiap panggilan telefon yang diterimanya dilayan dengan penuh hemah. Budi bahasanya yang tinggi dan sikapnya yang mudah mesra membuatkan Moses mendapat ramai kawan baru setiap hari. Hampir setiap pelanggan yang menelefon syarikat dikenali suaranya oleh Moses. Ini membuatkan beliau disenangi dan seterusnya dapat menjalinkan persahabatan yang baik dengan mereka.

Kesempatan tersebut digunakan oleh Moses untuk membantu rakan-rakan lain yang senasib dengannya bagi mendapatkan pekerjaan. Ramai rakan-rakannya yang cacat penglihatan yang ketika itu masih menganggur atau belum mendapat pekerjaan tetap dibantu oleh Moses untuk mendapatkan pekerjaan. Ini dilakukan dengan pertolongan kawan-kawannya yang ramai. Moses percaya bahawa orang cacat penglihatan perlu saling bantu-membantu dalam apa juga bidang. Hanya dengan cara itulah baru kesatuan antara mereka akan kukuh dan mereka akan lebih berjaya.

Setelah enam tahun bekerja di syarikat **Coopers & Lybrand** dan mendapat kepercayaan daripada majikannya, Moses membuat keputusan untuk berhenti kerja.

Sikapnya yang gemar mencuba dan mencari pengalaman baru membuatkan beliau rasa mahu berhijrah ke syarikat lain pula. Tetapi hasrat Moses itu dihalang oleh majikannya yang begitu keberatan melepaskan seorang pekerja yang berdedikasi seperti Moses. Sebaliknya pihak syarikat menawarkan kenaikan pangkat kepada Moses.

Moses akhirnya menerima tawaran tersebut dan sesungguhnya penerimaan itu tidak merugikannya. Malah dengan menerima tawaran tersebut Moses mendapat kesempatan yang lebih luas untuk membuktikan kebolehannya bekerja. Beliau berjaya membuktikan bahawa golongan cacat penglihatan mampu melakukan pelbagai kerja lain dan bukan sekadar menjadi seorang operator telefon.

Moses di tempatkan di bahagian pejabat. Beliau mula terlibat melakukan pelbagai kerja seperti pembantu pejabat dan penyelia. Hasil dedikasi kerja yang ditunjukannya beliau meningkat daris atu tahap ke satu tahap. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai pentadbir eksekutif di syarikat tersebut sebelum kemudian mendapat kepercayaan yang lebih besar lagi dan dilantik sebagai pembantu pengurus pentadbiran di salah satu bahagian syarikat berkenaan.

Selama beberapa tahun kemudiannya Moses tidak banyak menghadapi masalah dengan tugas-tugas sehariannya di pejabat. Beliau mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada majikan serta rakan-rakan sekerja yang lain. Prestasi kerja yang ditunjukkan juga memuaskan pihak majikan. Benarlah kata bijak pandai bahawa kemahuan merupakan kekuasaan tertinggi dalam hidup manusia. Untuk mencapai

kejayaan dalam kerjaya yang diceburi seseorang harus mempunyai keyakinan tentang betapa pentingnya tugas yang diamanahkan kepadanya.

Begitu pun kehidupan memang ibarat seperti roda. Ada waktunya di atas dan ada pula waktunya di bawah. Setelah sekian lama bekerja di syarikat berkenaan tanpa mengalami banyak masalah, syarikat tersebut mengalami penstrukturran semula apabila ia dicantumkan dengan sebuah syarikat lain. Keadaan ini mula menjaskankan kerja-kerja Moses kerana beliau terpaksa bekerja dalam suasana yang baru dan dengan orang-orang baru yang belum kenal serta belum mempercayai kebolehannya.

Keadaan ini memaksa Moses meninggalkan syarikat tersebut. Dalam tahun 1996 beliau berhijrah untuk bekerja di syarikat *Total Corporate Compliance* sebagai pengurus. Hampir empat tahun Moses bekerja di situ. Beliau kemudian mula mempunyai keyakinan yang lebih besar. Moses merasakan sudah sampai waktunya untuk beliau dapat mencapai apa yang ingin dicapainya.

Berbekalkan pengalaman kerja selama bertahun-tahun serta keyakinan dan semangat jaya yang tinggi, Moses berpindah kerja lagi dan menjadi pengurus pentadbiran serta IT di *Total Express and Document Storage (TEDS)*, sebuah syarikat yang membangunkan perisian telefon. Di situ beliau semakin dapat menguasai ilmu IT dengan baik. Moses percaya bahawa seorang yang mengalami kecacatan penglihatan juga boleh memainkan peranan dalam era perkembangan IT hari ini.

Kepercayaan itulah yang mendorong beliau untuk memberikan suatu sumbangan kepada golongan cacat penglihatan dalam bidang tersebut. Dengan usahanya yang tidak mengenal jemu serta keikhlasan hati untuk melihat golongan cacat penglihatan yang lain turut mencapai kejayaan Moses telah mengasaskan penubuhan unit audio dan unit computer di Society For The Blind Malaysia (SBM).

Hari ini asas yang dimulakan oleh Moses telah semakin kuat. Ini terbukti apabila semakin ramai golongan cacat penglihatan yang dapat menguasai IT. Malah pelbagai perisian terkini yang boleh membantu golongan cacat penglihatan menggunakan komputer juga semakin luas digunakan. Bermula dengan harapan dan impian, kini apa yang ingin Moses lihat sudah menjadi kenyataan.

Pun begitu, hasrat untuk terus membantu golongan cacat penglihatan tidak pernah padam dalam jiwa Moses. Beliau yang hari ini memegang jawatan sebagai Pengurus Eksekutif bagi Pusat Hal Ehwal Profesional Orang-orang Buta di (NCBM), terus berusaha membantu rakan-rakan senasib terutama dalam mendapatkan pekerjaan yang sesuai buat mereka.

Begitulah liku perjalanan hidup Moses Choo, insan cacat penglihatan yang berjiwa besar. Apa yang berjaya dicapai oleh Moses menepati kata-kata seorang pujangga yang juga merupakan seorang novelis Amerika yang terkenal suatu ketika dahulu iaitu Tarkington Booth. Beliau pernah berkata; “ Seandainya kelima pancaindera

saya hilang, saya masih boleh hidup kerana kita sebenarnya melihat dan hidup dengan menggunakan fikiran.”